



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**BILAL TINGKAT II (D.1-2 EB.3)
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



BILAL TINGKAT II
KEMENTERIAN PERTAHANAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Sijil Pelajaran Agama Brunei (SPUB) sekurang-kurangnya pangkat 'Jayyid' atau 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran (*Brunei-Cambridge*) Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam (IRK) dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) (bagi kelulusan selain SPUB).

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU).

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU).
2. Pandai membaca dan menulis jawi dengan baik.
 3. Membaca Al-Quran secara bertajwid dan bertartil.
 4. Boleh menyempurnakan jenazah.
 5. Membaca Tahlil dan doa-doa tertentu dengan baik.
 6. Menyempurnakan Azan, Iqamat, Tazkir dan Tarhim dengan baik.
 7. Tahu hukum-hukum Taharah, Sembahyang, Zakat dan Puasa.



8. Hafaz surah-surah lazim (Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas).
9. Boleh berbahasa Arab dan Bahasa Inggeris.
10. Bagi pemohon yang terdiri dari saudara-saudara baru, sokongan khas daripada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah atau pihak-pihak berkenaan adalah diperlukan bagi menggantikan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).
11. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, bersih dari tapisan keselamatan dan tidak pernah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Bertanggungjawab menyempurnakan Azan dan Iqamah setiap hari pada waktu Sembahyang Fardhu, Tahrim sebelum Sembahyang Subuh dan melaksanakan tugas yang lazim dilakukan oleh seorang Bilal pada Sembahyang Sunat Aidilfitri dan Sembahyang Sunat Aidiladha serta Sembahyang Sunat Terawih;
2. Menjadi Imam ganti semasa ketiadaan Imam;
3. Membantu dalam majlis suka duka yang berlaku di perkhemahan tempat bertugas dan memimpin bacaan surah Yassin dan Tahlil, penyempurnaan jenazah dan perkara-perkara kebajikan dan kemasyarakatan yang seumpamanya;
4. Bekerjasama dengan guru-guru Ugama dan Imam dalam meningkatkan Syiar Ugama Islam di perkhemahan tempat bertugas;
5. Membantu tugas-tugas Imam dalam memelihara kebersihan luar dan dalam serta keselamatan harta benda surau;
6. Hadir sekurang-kurangnya setengah jam sebelum masuk waktu sembahyang;
7. Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan sepertimana yang terkandung dalam Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996; dan
8. Melaksanakan arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa dan bersedia bertugas di luar waktu bekerja bila mana diperlukan dan dikehendaki.